

**POSTER**

**KAJIAN MENGENAI TAHAP KESEDARAN PENJAGAAN PENGLIHATAN TERHADAP KANAK-KANAK**

Teoh SC\* & Chen AH\*

**ABSTRAK**

Tujuan kajian ini ialah untuk mendapatkan maklumat tentang tahap kesedaran penjagaan penglihatan terhadap kanak-kanak. Seramai 174 ibubapa di Semenanjung Malaysia telah mengambil bahagian dalam tinjauan ini yang berdasarkan persampelan insidental. Satu temubual berstruktur telah dilakukan sama ada secara berdepan atau melalui panggilan telefon bagi mendapatkan maklumat mengenai kesedaran penjagaan penglihatan. Kajian mendapati kira-kira 26% kanak-kanak adalah miopik. Manakala 57% daripada kanak-kanak tidak pernah melalui sebarang ujian penglihatan sebelum ini. Daripada mereka yang membawa anak mereka untuk pemeriksaan penglihatan, 44% daripada mereka melakukan demikian hanya selepas menerima rungutan daripada anak mereka tentang masalah penglihatan. Kajian ini merumuskan bahawa kesedaran tentang kepentingan penjagaan penglihatan terhadap kanak-kanak adalah kurang memuaskan dan perlukan tindakan.

**ABSTRACT**

The purpose of the study was to obtain information on vision care awareness among children. A total of 174 parents throughout Peninsular Malaysia participated in this study based on incidental sampling. A structured interview was carried out either directly or through the telephone calls to gather information on vision care awareness. The study showed that 26% of the children were myopic. And 57% of the children did not have any kind of vision testing done before. For those parents who decided to send their children for vision assessment, 44% did that only after the children complaint of vision difficulties. The study concluded that the awareness about the importance of vision care among the children is poor and needs further improvement.

**PENDAHULUAN**

Penglihatan bukan sahaja memainkan peranan penting di dalam perkembangan kanak-kanak dari segi kognitif, bahasa, motor kasar, motor halus ataupun sosial (Paynter 1994, Smith 1984), malahan status penglihatan juga didapati mempengaruhi proses pembelajaran (Peiser 1972). Kira-kira 85-90% daripada pembelajaran seorang pelajar adalah melalui penglihatan (Dzik 1966). Justeru itu, penglihatan yang jelas, selesa dan informatif akan dapat membantu pencapaian akademik yang baik.

Memandangkan peranan penglihatan dalam pembelajaran adalah penting bagi seorang kanak-kanak lebih-lebih lagi pelajar sekolah, banyak kajian mengenai kesedaran penjagaan penglihatan telah dilakukan di Malaysia. Antaranya adalah kajian mengenai kewujudan program-program penyaringan penglihatan di sekolah rendah (Chen & Duratul 2000) dan kajian mengenai peranan optometris dalam penjagaan penglihatan pediatrik (Chen & Duratul 2001). Kedua-dua kajian ini mendapati program penyaringan penglihatan di sekolah yang sedia ada dan perkhidmatan penjagaan penglihatan

oleh para optometris di swasta adalah kurang memuaskan. Kajian kali ini menyingkap dengan lebih terperinci mengenai sikap dan kesedaran ibubapa dalam isu penjagaan penglihatan terhadap anak mereka.

**METADOLOGI**

Responden adalah ibubapa yang diambil secara rawak dari lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia, iaitu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang, Melaka dan Johor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antara yang termasuk dalam kajian ini ialah Kangar, Sungai Petani dan Kulim, Bukit Mertajam, Setiawan, Klang, Melaka, Setapak, Bentong dan Batu Pahat. Kawasan penempatan yang dipilih adalah kawasan-kawasan kediaman yang terletak berdekatan dengan pusat bandar.

Kriteria pemilihan responden ialah ibubapa yang mempunyai anak yang berumur antara 7 hingga 12 tahun (kanak-kanak sekolah). Sejumlah 174 responden mengambil bahagian dalam kajian ini melalui kaedah persampelan insidental yang dilakukan sepanjang tahun 2000. Taburan sampel yang ditemubual mengikut kawasan yang telah dikunjungi ditunjuk dalam Jadual 1.

---

\* Jabatan Optometri, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, UKM

Kajian ini telah dilakukan melalui kaedah temubual. Dua kaedah temubual telah digunakan untuk mendapatkan data iaitu melalui talian telefon atau bersemuka dengan responden. Kaedah temubual secara bersemuka dengan responden telah digunakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia yang dikunjungi kecuali kawasan Klang, Selangor. Panggilan melalui telefon digunakan untuk bertemubual dengan responden di kawasan Klang disebabkan kebanyakan responden hanya dapat ditemubual pada waktu malam selepas waktu bekerja dan ibu atau bapa yang ditemubual berasa lebih selesa dengan menggunakan talian telefon.

Semasa temubual dijalankan, jawapan-jawapan yang diberikan oleh ibu atau bapa akan dicatatkan dalam senarai jawapan yang telah disediakan terlebih dahulu. Ini bertujuan untuk menjimatkan masa merekod dan untuk memendekkan masa temubual. Kebanyakan temubual diselesaikan dalam masa 5 minit.

**Jadual 1: Taburan bilangan responden mengikut kawasan dan negeri**


Negeri / Wilayah Persekutuan	Daerah	Bilangan responden
Perlis	Kangar	21
Kedah	Sungai Petani dan	31
	Kulim	
Pulau Pinang	Bukit Mertajam	24
Perak	Sitiawan	22
Kuala Lumpur	Setapak	8
Selangor	Klang	12
Melaka	Melaka	13
Pahang	Bentong	21
Johor	Batu Pahat	22
<b>Jumlah</b>		<b>174</b>

Tahap kesedaran responden terhadap penjagaan penglihatan anak-anak diselidik dalam suatu set borang soal-selidik yang mengandungi 36 soalan. Bahagian A (soalan 1-22) adalah untuk mendapatkan biodata ibubapa seperti umur, pekerjaan, tahap pendidikan, pemakaian kaca mata dan tujuan kaca mata dipakai serta umur ibu atau bapa mula memakai kaca mata. Bahagian B (soalan 23-35) pula merangkumi maklumat kanak-kanak. Akhir sekali, soalan 36 bertujuan untuk menentukan tahap kepastian ibu atau bapa terhadap jawapan yang diberikannya.


**HASIL**

Kesemua presentasi hasil kajian ini adalah berdasarkan 174 responden. Taburan kanak-kanak mengikut umur dalam kajian ini ditunjuk dalam Rajah 1. Semua kanak-kanak yang terlibat dalam kajian adalah berumur antara 7 hingga 12 tahun. Daripada hasil kajian didapati 17% (29 orang) berumur 7 tahun, 14% (25 orang) berumur 8 tahun, 14% (25 orang) berumur 9 tahun, 16% (28 orang) berumur 10 tahun, 16% (27 orang) berumur 11 tahun, 21% (37 orang) berumur 12 tahun dan 2% (3 orang) lagi tidak diberitahu secara spesifik semasa temubual.

Taburan kanak-kanak miopia berdasarkan umur dan jantina dipaparkan dalam Rajah 2. Daripada hasil kajian didapati bilangan kanak-kanak yang miopia adalah paling ramai di kalangan mereka yang berumur 12 tahun (42%), diikuti oleh mereka yang berumur 10 tahun (15%), 7 tahun (11%), 8 tahun (11%), 11 tahun (11%) dan akhirnya 9 tahun (9%). Secara keseluruhannya, kira-kira 26% kanak-kanak adalah miopik.




**Rajah 1: Taburan umur kanak-kanak dalam kajian ini**



Rajah 2: Taburan kanak-kanak miopia berdasarkan umur dan jantina

Kekerapan pemeriksaan penglihatan untuk bapa, ibu dan anak ditunjukkan dalam Rajah 3. Untuk ketiga-tiga pihak iaitu bapa, ibu dan anak, didapati bahawa majoriti tidak pernah menjalankan sebarang pemeriksaan penglihatan. Hasil daripada kajian telah mendapati bahawa 56% (97 orang) bapa, 46% (80


orang) ibu dan 57% (99 orang) anak tidak pernah menjalankan sebarang pemeriksaan penglihatan sebelum ini. Bilangan ibu (10%) atau bapa (6%) yang menjalankan pemeriksaan sekurang-kurangnya sekali setahun adalah jauh lebih rendah berbanding dengan anak (40%).



Rajah 3: Kekerapan pemeriksaan penglihatan

Pemilihan pemeriksa yang menjalankan pemeriksaan penglihatan ditunjuk dalam Rajah 4. Pemeriksa yang seringkali dipilih ialah juruoptik. Sebanyak 43% (75 orang) bapa, 45% (78 orang) ibu dan 33% (58 orang) anak diperiksa oleh juruoptik. Adalah amat jarang pemeriksaan penglihatan dilakukan oleh optometris. Hanya 2% (3 orang) ibu

hanya yang pernah diperiksa oleh optometris. Sebaliknya, tiada bapa atau anak yang diperiksa oleh optometris. Sebanyak 4% (7 orang) ibu dan 9% (16 orang) bapa membeli cermin mata sendiri di gerai-gerai atau tepi jalan tanpa pemeriksaan penglihatan terdahulu oleh mana-mana pihak.




**Rajah 4: Pemilihan pemeriksa dalam pemeriksaan penglihatan**


Taburan tahap pendidikan ibu dan bapa ditunjukkan dalam Rajah 5. Hasil kajian mendapati bahawa 40% (70 orang) ibu dan 39% (44 orang) bapa hanya menerima pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja. Sebanyak 29% (50 orang) ibu dan bapa didapati terletak dalam kategori tahap pendidikan Tingkatan 1 hingga 3. Sementara itu, 22% (39 orang) ibu (22%) dan 32% (56 orang) bapa menerima pendidikan sehingga Tingkatan 4 dan 6. Sebaliknya, hanya 3% (5 orang) ibu dan 4% (7 orang) bapa menerima pendidikan yang lebih tinggi, iaitu di tahap kolej dan universiti. Jadi, ibu bapa

dalam kajian ini sebenarnya bertabur agak setara antara tahap pendidikan dalam kategori sekolah rendah, Tingkatan 1 hingga 3 dan Tingkatan 4 dan 6.

Rajah 6 menunjukkan beberapa sebab utama yang membawa kepada pemeriksaan penglihatan di kalangan kanak-kanak (anak). Daripada kalangan ibubapa di mana anak mereka telah diperiksa penglihatan, didapati bahawa kira-kira 47% dilakukan atas sebab pemerhatian ibubapa, 32% disebabkan oleh aduan anak dan 21% disebabkan aduan guru dan gagal penyaringan penglihatan.




**Rajah 5: Tahap pendidikan ibu dan bapa**



**Rajah 6: Sebab-sebab yang menyumbang kepada pemeriksaan penglihatan**

Pada akhir sesi temubual, tahap kepastian ibubapa tentang jawapan yang diberikan bagi semua soalan ditentukan. Ibubapa telah diberi pilihan sama ada tahap keyakinan mereka terletak pada tahap sangat pasti, pasti, tidak berapa pasti dan tak pasti. Hasil daripada tinjauan (Rajah 7), didapati 97% ibubapa adalah terletak pada tahap sangat pasti dan pasti.



**Rajah 7: Tahap kepastian ibu atau bapa tentang jawapan yang diberikan dalam sesi temubual**

**PERBINCANGAN**

Dalam kajian kesedaran ibubapa tentang kepentingan penjagaan penglihatan pediatrik, didapati kebanyakan ibubapa tidak mengambil berat tentang status penglihatan anak-anak mereka. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa kebanyakan kanak-kanak tidak pernah menjalani pemeriksaan penglihatan. Malah, ibubapa sendiri juga tidak mengambil berat tentang penglihatan mereka sendiri dan tidak mengambil inisiatif untuk melakukan

pemeriksaan penglihatan yang rutin. Alasan mereka ialah mereka masih boleh nampak dan mereka tidak ada masa untuk berbuat demikian. Daripada hasil kajian juga, ramai ibubapa membeli cermin mata untuk dipakai apabila terdapat kekaburan mata tanpa menjalani pemeriksaan penglihatan yang sepatutnya kerana mereka berpendapat cara ini menjimatkan wang dan masa. Dengan itu, ternyata bahawa kesedaran ibubapa tentang kepentingan pemeriksaan penglihatan anak-anak mereka adalah kurang memuaskan. Kebanyakan mereka membawa anak untuk pemeriksaan penglihatan hanya bila timbulnya tanda-tanda okular tertentu (kabur, kenyt mata dan sebagainya) ataupun gagal penyaringan penglihatan di sekolah serta aduan guru dan anak.

Selain daripada itu, pengetahuan ibubapa tentang pemilihan pemeriksa adalah terhad kepada juruoptik. Mereka tidak menyedari bahawa mereka seharusnya merujuk kepada optometris yang bertauliah untuk pemeriksaan penglihatan. Antara ibubapa yang menerima pemeriksaan penglihatan oleh optometris, hasil kajian mendapati mereka menganggap optometris adalah sama sahaja seperti juruoptik. Kadang-kala, ibubapa memilih untuk menjalani pemeriksaan di bawah optometris semata-mata disebabkan kedai optometris itu terletak berhampiran dengan rumah kediaman mereka. Pada pendapat ibubapa, tidak terdapat perbezaan antara pemeriksaan optometris dan juruoptik. Besar kemungkinan tahap kesedaran tentang kepentingan penjagaan penglihatan yang kurang memuaskan ini berkaitan dengan tahap pendidikan ibubapa yang rendah. Kebanyakan ibubapa dalam kajian ini didapati hanya bersekolah sehingga sekolah rendah atau Tingkatan 3.

Di kalangan ibubapa yang telah membawa anak mereka untuk pemeriksaan penglihatan, tujuan mereka bukan untuk memastikan kesihatan okular dengan menjalankan pemeriksaan rutin sebagai langkah berjaga-jaga, tetapi pemeriksaan tersebut dijalankan atas sebab-sebab yang sudah ternyata terdapatnya masalah penglihatan seperti aduan guru, gagal penyaringan penglihatan dan sebagainya.

Pendekatan terbaru dalam sistem kesihatan ialah berdasarkan pencegahan dan bukan rawatan. Pemeriksaan penglihatan pediatrik yang rutin berupaya untuk mencegah banyak masalah penglihatan seperti ambliopia akibat kuasa refraksi yang tidak diperbetulkan, buta akibat *retina detachment*, masalah pembelajaran berkaitan dengan masalah penglihatan persepsual yang tidak dikesan awal dan sebagainya daripada menjadi lebih teruk kerana prognosis sesetengah masalah penglihatan pediatrik biasanya menjadi semakin teruk dengan peningkatan umur (Lewis et al. 1995).

Malangnya, perbandingan hasil kajian ini dengan negara lain tentang tahap kesedaran ibubapa terhadap penjagaan penglihatan pediatrik tidak dapat dilakukan secara langsung kerana kajian yang serupa tidak pernah dijalankan. Akan tetapi, dapat dilihat bahawa negara-negara maju seperti United States, Australia dan Britain telah mula menguatkuasakan beberapa peraturan yang berkaitan dengan penjagaan penglihatan pediatrik (Leat et al. 1999; Rooney 1992; Hall 1989). Penyaringan penglihatan telah dijadikan mandatori untuk setiap kanak-kanak prasekolah di United States (Leat et al. 1999). Laporan Hall di Britain telah mencadangkan supaya penyaringan penglihatan kanak-kanak dilakukan pada 21 bulan, 39 bulan, 5 tahun, 8 tahun dan 11 tahun (Hall 1989).

## KESIMPULAN

Hasil kajian ini telah menunjukkan tahap kesedaran ibubapa tentang kepentingan penjagaan penglihatan anak-anak mereka adalah kurang memuaskan dalam aspek kekerapan pemeriksaan penglihatan, pemilihan pemeriksa dan sebagainya.

## IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian ini bersama-sama dengan dua laporan sebelum ini (Chen & Duratul 2000, 2001) akan memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang

perkhidmatan dan kesedaran dalam penjagaan penglihatan pediatrik tempatan untuk profesional-profesional yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam bidang penglihatan pediatrik.

## PENGHARGAAN

Projek ini dibiayai dengan gran NTGO/3/2000

## RUJUKAN

- Chen, A.H. & Duratul, A.H. 2000. Tinjauan tentang program penyaringan penglihatan di sekolah rendah di Selangor dan Wilayah Persekutuan. *Prosiding Persidangan Ulang Tahun ke-30 UKM*. m.s.469-478.
- Chen, A.H. & Duratul, A.H. 2001. Tinjauan tentang peranan optometris dalam penjagaan penglihatan pediatrik di Malaysia. *Buletin Kesihatan Masyarakat – pascasidang Kolokium Kebangsaan Kesihatan Masyarakat ke-VII*. Isu Khas: 230-234.
- Dzik, D. 1966. Vision and the juvenile delinquent. *J Am Optom Assoc*. **37**: 461-468.
- Hall, D.B.M. 1989. Health for all children. Report of the joint working party on child health surveillance. Oxford University Press, Oxford.
- Leat, S.J., Shute, R.H. dan Westall, C.A. 1999. Assessing children's vision. Butterworth-Heinemann, Oxford.
- Lewis, T.L., Maurer, D. dan Brent, H. 1995. Development of grating acuity in children treated for unilateral and bilateral congenital cataract. *Invest Ophthalmol Vis Sci*. **36**: 2080-2095.
- Paynter, R. 1994. An outline of the significant developmental milestones of the normal child. *Behav Optom*. **5**:13-57.
- Peiser, I.J. 1972. Vision and learning disabilities. *J Am Optom Assoc*. **43**: 136-144.
- Rooney, K. 1992. Strategies of early intervention for literacy and learning for Australian children. Submission to House of Representatives Standing Committee on Employment, Education and Training, South Australia.
- Smith, W. 1984. Optometry's role in the care of children's vision and neuromuscular defects. *The Optometrist*. 12-16.